

**TEKS UCAPAN YB MENTERI KERJA RAYA
MAJLIS PERASMIAN
“PROGRAM KHIDMAT MASYARAKAT KERJA-KERJA MENGECAT
DAN LATIHAN PRAKTIKAL ANJURAN PUSAT KHIDMAT
KONTRAKTOR DENGAN KERJASAMA ABM CIDB NEGERI
SARAWAK”
23 MAC 2014 (AHAD), 11.30 PAGI
BALAIRAYA KG PULAT, BALINGIAN, SARAWAK**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh..

Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia..

Terlebih dahulu, saya dengan ini ingin mengucapkan kalimah mulia Alhamdulillah, dan memanjat kesyukuran ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnianya dapat kita sama-sama berkumpul pada hari ini bersempena Program Khidmat Masyarakat Kerja-Kerja Mengecat Dan Latihan Praktikal Anjuran Pusat Khidmat Kontraktor Dengan Kerjasama ABM CIDB Negeri Sarawak. Di kesempatan ini juga saya memohon agar para hadirin dapat sama-sama mendoakan kesejahteraan anak-anak kapal dan penumpang pesawat MH370.

Pertamanya, saya ingin mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada PKK dengan kerjasama ABM CIDB Negeri Sarawak, yang telah berganding bahu dalam memastikan kelancaran program ini di Sarawak. Semangat kesepakatan dan kerjasama ini wajar diteruskan dan menjadi budaya positif yang perlu sentiasa diamalkan, agar kita terus dapat memberikan khidmat yang terbaik untuk rakyat.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada semua kontraktor dan ahli Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) serta penduduk Kampung Pulat yang hadir kerana sudi meluangkan masa untuk bersama-sama menyertai program pada hari ini. Tanpa kehadiran dan kerjasama tuan/puan, seminar pada hari ini juga tidak dapat berjalan dengan lancar. Saya amat berharap agar budaya kerjasama ini sentiasa diteruskan dan menjadi budaya positif yang sentiasa diamalkan selalu, bak kata pepatah, Bersatu Kita Teguh, Bercerai Kita Roboh.

Tuan – Tuan dan Puan – Puan,

Alhamdulillah juga, seperti yang dirancangkan program pada hari ini telah disertai seramai 250 orang kontraktor Bumiputera (Gred G1-G7) dan lebih 200 penduduk kampung sekitar kawasan ini. Untuk makluman tuan/puan, program anjuran bersama CIDB dan ABM ini merupakan satu pendekatan serampang dua mata dalam melaksanakan Program Pembangunan Kapasiti Kontraktor Bumiputera dan pada masa yang sama dapat melaksanakan satu bentuk khidmat sosial (CSR) para Kontraktor Bumiputera kepada masyarakat. Ia juga merupakan satu pendekatan Strategi Lautan Biru (*Blue Ocean Strategy*) di antara PKK dan CIDB dalam mengoptimumkan penggunaan sumber aset dan peruntukan kerajaan.

Seperti yang tuan/puan sedia maklum, aktiviti utama program ini ialah ceramah berkenaan kaedah mengecat oleh tenaga pengajar daripada Akademi Binaan Malaysia (ABM), CIDB dan disusuli dengan latihan praktikal mengecat Balairaya Kampung Pulat. Selain itu, pihak ABM, CIDB juga telah melaksanakan beberapa pembaikan kecil di

bangunan ini sebelum program ini berlangsung. Semoga usaha-usaha ini dapat membantu memberi khidmat yang terbaik kepada masyarakat di sini.

Di samping itu, saya juga percaya program sebegini dapat memberikan kesedaran dan mengukuhkan lagi ikatan tali persaudaraan di antara tuan – tuan dan puan – puan dengan penduduk Kampung Pulat ini. Selain itu, ia dapat memberi peluang dan ruang kepada kontraktor untuk berinteraksi dan berkongsi pengalaman serta pengetahuan di antara satu sama lain.

Hadirin sekalian,

Pusat Khidmat Kontraktor, Kementerian Kerja Raya juga telah merangka pelbagai program untuk memperkasa kontraktor Bumiputera bagi tahun 2014 ini seperti berikut:

1. Program Kontraktor Bumiputera Berprestasi Tinggi

Program ini bertujuan untuk menyediakan satu pangkalan data sebagai rujukan kepada Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan dan Syarikat Berkaitan Kerajaan bagi mendapatkan senarai kontraktor Bumiputera yang berprestasi tinggi. Kumpulan sasaran bagi program ini ialah kontraktor Bumiputera daripada gred G2 hingga G7. Pengkalan data ini diharapkan dapat membantu kerajaan untuk mengurangkan masalah projek sakit dan seterusnya dapat menggalakkan percambahan kontraktor Bumiputera yang berdaya saing. Program ini adalah secara sukarela di mana kontraktor – kontraktor Bumiputera yang berminat boleh memohon kepada PKK untuk menyertai program ini.

2. Program Inspektorat Taraf Bumiputera

Program ini bertujuan untuk membuat pengauditan terhadap kontraktor Bumiputera yang telah mendapat sijil taraf Bumiputera bagi memastikan tiada penyelewengan dan penyalahgunaan taraf Bumiputera berlaku di kalangan kontraktor Bumiputera terutamanya yang mendapat projek-projek kerajaan. Ia secara tidak langsung dapat memastikan bahawa hasrat dan matlamat penganugerahan projek kerajaan kepada kontraktor Bumiputera tercapai. Kerajaan tidak mahu amalan – amalan negatif seperti syarikat kontraktor bukan Bumiputera menggunakan lesen – lesen kontraktor Bumiputera untuk mendapatkan projek kerajaan terus berlaku di peringkat akar umbi. Jika sekiranya, terdapat penyelewengan dan penyalahgunaan sijil taraf Bumiputera ini, maka PKK akan menyenarai hitamkan kontraktor Bumiputera terbabit dan menarik semula taraf Bumiputera yang diberikan sebelum ini.

3. Program Pembangunan Kapasiti Kontraktor Bumiputera

Kerajaan melalui PKK telah merancang untuk mengadakan sebanyak 264 program untuk tahun 2014 bagi memperkasa kontraktor Bumiputera. Sasaran peserta adalah seramai 21,100 kontraktor daripada gred G1 hingga gred G7. Kursus – kursus ini merangkumi kursus pengurusan dan kursus teknikal. Kursus teknikal ini adalah bagi membantu kontraktor-kontraktor untk menambah bidang kepala kerja dengan CIDB bagi memperluaskan kebolehpayaan kontraktor-kontraktor Bumiputera. Selain itu, PKK juga merancang untuk bekerjasama dengan Kementerian Kewangan Malaysia untuk menganjurkan kursus berkaitan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) bagi para kontraktor Bumiputera. Secara tidak langsung ini dapat

mempersiapkan kontraktor Bumiputera dengan cabaran yang mendatang dalam hal berkaitan pengurusan kewangan selaras dengan keperluan semasa.

Bagi menjayakan matlamat untuk memperkasakan Agenda Bumiputera dan meningkatkan kompetensi kontraktor Bumiputera, PKK akan terus bekerjasama dengan Agensi-agensi Kerajaan dan NGO untuk melaksanakan program-program pembangunan kepada kontraktor pada masa hadapan. Sehubungan itu, saya menyeru para kontraktor sekalian untuk merebut peluang menyertai program-program anjuran PKK supaya dapat menambah pengetahuan secara berterusan dan seterusnya mendapatkan maklumat terkini daripada pihak PKK. Jika terdapat sebarang pertanyaan bolehlah diajukan kepada PKK Ibu Pejabat dan PKK Negeri yang berdekatan atau melalui saluran komunikasi yang telah disediakan. Insya Allah, PKK akan sentiasa membantu tuan/puan dan memberikan panduan yang sewajarnya.

Akhir kata, saya sekali lagi ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang telah berusaha bagi menjayakan seminar ini. Semoga kehadiran tuan/puan pada hari ini telah berjaya mencapai objektif yang dirancang tersebut.

Sehubungan itu, dengan lafaz *Bismillahirrahmanirrahim*, saya dengan ini merasmikan Seminar Memperkasa Kontraktor Bumiputera anjuran PKK di Politeknik Mukah pada hari ini.

Sekian, *Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*